

Teliti maklumat yang diberikan. Kemudian lengkapkan dialog.

Fahami maklumat yang tertulis pada kain rentang ini.

AKTIVITI GOTONG-ROYONG MEMBAIKI TAMAN PERMAINAN

Tarikh : 12 Januari 2017
Masa : 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari
Tempat : Taman Permainan Kampong Sungai Buloh
Penganjur : Ahli Majlis Perundingan Kampong Sungai Buloh

*Marilah kita menjayakan aktiviti ini
untuk kebaikan kawasan kejiranan kita.*

"Muafakat Membawa Berkat"

diadakan

untuk memperbaiki taman permainan

penduduk Kampong Sungai Buloh

kebaikan kawasan kejiranan kita

membaca maklumat yang tertulis pada kain rentang ini

Ahli Majlis Perundingan Kampong Sungai Buloh

gotong-royong ini

Izah : Apakah yang sedang kamu baca, Alia?

Alia : Saya sedang membaca (1) _____.

Izah : Siapakah yang menganjurkan aktiviti _____?

Alia : _____ yang
menganjurkan aktiviti gotong-royong ini.

Izah : Mengapakah aktiviti gotong-royong ini diadakan?

Alia : Aktiviti gotong-royong ini diadakan untuk _____.

Izah : Alia, bilakah aktiviti itu akan diadakan?

Alia : Melalui kain rentang ini, ada diberitahu aktiviti gotong-royong akan
_____ pada pukul 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Izah : Aktiviti gotong-royong ini dialu-alukan untuk penyertaan siapa?

Alia : Aktiviti gotong-royong ini dialu-alukan untuk penyertaan
_____. Izah, kita harus menyertai
aktiviti ini untuk _____.